

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah fungsi **Penggerak Komuniti Tempatan (PeKT)** dan berapa jumlah pelantikan, jumlah peruntukan pengurusan dan peruntukan program Penggerak Komuniti yang dilancarkan baru-baru ini dan berapa gaji/elaun yang diberikan terhadap setiap pelantikan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Penggerak Komuniti Tempatan (PeKT) ketika ini baru melibatkan Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan yang merangkumi kawasan dari 46 buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Fungsi PeKT adalah seperti berikut:

- a. menyampaikan maklumat kepada penduduk setempat berhubung dasar dan inisiatif di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT);

- b. mewujudkan komuniti yang bersatu padu dan berdaya saing melalui aktiviti-aktiviti kesejahteraan bandar dan seterusnya memperkasakan komuniti dan generasi yang lebih mampan;
- c. memantau dan membantu menggerakkan penglibatan komuniti dalam meningkatkan keharmonian komuniti setempat;
- d. menjalankan kegiatan khidmat nasihat bagi memelihara kebersihan, kesihatan dan alam sekitar di sesebuah komuniti; dan
- e. mendapatkan respon dan maklum balas awal komuniti setempat sebelum sesuatu projek atau program dilaksanakan.

2. Sehingga kini, jumlah **Penggerak Komuniti Tempatan (PeKT)** yang telah dilantik adalah seramai 261 orang. Peruntukan yang disediakan untuk tahun 2020 adalah seperti jadual di bawah :

| Peruntukan | Jumlah (RM) |
|---------------------|---------------------|
| Bayaran Pengurusan | 1,880,000.00 |
| Bayaran Program | 783,020.00 |
| Jumlah Besar | 2,663,020.00 |

3. Setiap PeKT yang dilantik diluluskan bayaran pengurusan sebanyak RM2,000.00 sebulan.

Sekian, terima kasih.